

05/12/2003

`Dr Mahathir insan istimewa'

JOHOR BAHRU: Tun Dr Mahathir Mohamad menerima anugerah Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan dan Kejuruteraan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam Konvokesyen Khas, di Dewan Sultan Iskandar UTM, Skudai, dekat sini, semalam.

Anugerah disampaikan Canselor UTM, Sultanah Johor Sultanah Zanariah Tunku Ahmad. Penganugerahan itu bagi mengenang jasa kecemerlangan Dr Mahathir sepanjang menerajui negara selama 22 tahun bermula 16 Julai 1981 sebelum bersara 31 Oktober lalu.

Sultanah Zanariah berkata, anugerah itu adalah lambang dan pengiktirafan yang tinggi nilainya untuk negarawan terulung.

Namun, kata baginda, penganugerahan itu tidak seberapa tinggi nilainya berbanding jasa dan pengorbanan Dr Mahathir memimpin negara sebagai Perdana Menteri Malaysia keempat.

Baginda turut menyifatkan Dr Mahathir sebagai insan istimewa dan patut menerima gelaran Bapa Malaysia Moden seperti gelaran Bapa Johor Moden kepada Sultan Abu Bakar.

"Kita bagi pihak universiti bersyukur kerana Malaysia mendapat pemimpin seperti Dr Mahathir yang membawa Malaysia daripada era pertanian kepada perindustrian dan teknologi maklumat (IT).

"Malaysia kini bukan sekadar titik noktah dalam peta dunia, tetapi harum kerana pencapaian gemilang. Negara menjadi contoh kepada dunia ketiga dan negara Islam pula mengiktiraf Malaysia pada pentas antarabangsa," katanya.

Turut hadir Pro-Canselor UTM, Raja Zarith Sofia; isteri Dr Mahathir, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman dan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad.

Selain itu, Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob; Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob; Naib Canselor UTM, Prof Datuk Dr Mohd Zulkifli Mohd Ghazali serta lebih 3,000 tetamu.

Sultanah Johor juga menyatakan rasa terharu cetusan semangat Malaysia Boleh yang diperkenalkan Dr Mahathir menjadikan impian menjejaki puncak Gunung Everest atau belayar mengelilingi dunia menjadi kenyataan.

"Kesan jati diri yang diterap Dr Mahathir melahirkan sebuah bangsa yang bukan saja maju, malah dihormati," katanya.

Sultanah Johor juga menyampaikan serangkap pantun khas untuk Dr Mahathir, iaitu "Ketika Tun berasa sepi, dugaan datang silih berganti, isteri tercinta setia di sisi, Siti Hasmah wanita yang dihormati".